



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD2 (12)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

JKKN ANJUR IFTAR 2021 SECARA DALAM TALIAN

28 April 2021 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) buat julung kalinya akan menganjurkan Program Iftar 2021@Ramadan secara dalam talian di Facebook rasmi JKKN, pada 29 dan 30 April 2021 (Khamis dan Jumaat). Satu sidang media telah diadakan dan dihadiri oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya bersama pasukan kerja MOTAC, Jabatan dan Agensi di bawahnya.

Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2012 dengan nama Festival Ramadan dan dijernamakan semula atas nama Iftar@KL pada tahun 2015. Uniknyanya, program iftar ini diadakan secara duduk bersila beralaskan tikar di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dan dihadiri oleh pengunjung termasuk pelancong asing. Namun, pendekatan yang di ambil pada tahun ini berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya kerana dilaksanakan secara dalam talian dan disiarkan selama dua hari, selaras dengan konsep pengamalan norma baharu.

Iftar 2021@Ramadan *Online* dianjurkan secara bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Persatuan Cinta Seni Budaya (PERSIDAYA). Turut terlibat ialah Rabbani Production Sdn. Bhd serta rakan penaja iaitu Pasar Raya Gandar dan Natural Scents.

Tujuan program ini adalah untuk mengimarahkan dan memakmurkan ramadan sebagai bulan ibadah dan keprihatinan sesama insan melalui pengisian aktiviti Iftar 2021@Ramadan *Online* dalam menyemarakkan kebudayaan dan kesenian islam kepada pelancong tempatan dan antarabangsa secara dalam talian.

Antara pengisian sempena program ini adalah seperti Bacaan Al-Quran oleh Ustazah Sharifah Khasif dan Zizi Kirana, Bicara Ramadan oleh Dr. Mohd Izwan bin Mohd Yusof (JAKIM), Ustaz Norzaidan bin Haji Hamad (JAKIM), Ustaz Wan Abdul Halim Bin Md Yusoff (JAWI) dan Dr. Rohaily @ Abd Rahman bin Abd Hamid (JAWI), Ceramah Ramadan oleh PU Azman dan Imam Muda Asyraf, Tayangan Konsert Rohani, Kapsul Ramadan, Laungan Azan oleh Dato' Jamal Abdillah, Pertandingan Nasyid dan Marhaban Dalam Talian serta Cara Memasak Bubur Lambuk Kampung Baru.

Sementara itu, YB Dato' Sri Hajah Nancy sempat meluangkan masa mengedarkan bubur lambuk kepada orang ramai di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR). "Walaupun negara masih lagi berhadapan dengan pandemik COVID-19, JKKN terus proaktif dalam memastikan semangat bagi membudayakan masyarakat sepanjang bulan Ramadan diteruskan melalui Iftar 2021@Ramadan *Online* ini," jelas beliau dalam sesi sidang media tersebut.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu www.jkkn.gov.my ataupun boleh *facebook* JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181
Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my
Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac